

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

##### 1.1.1 Selangor Dalam Perspektif Sejarah.

Negeri Selangor wujud pada pertengahan kedua abad ke 18. Setiap jajahan dilantik “Orang Besar” yang patuh kepada sultan.<sup>1</sup> Pada ketika dahulu, Negeri Selangor merupakan Kerajaan Melayu Melaka. Kesultannya pula bermula apabila Raja Lumu ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran “Sultan Salehuddin Syah”.<sup>2</sup> Untuk mengetahui asal usul nama Selangor, terdapat beberapa cerita lisan yang menjelaskannya. Ada cerita menyatakan kononnya seorang pahlawan dari Melaka telah dikalahkan oleh seekor langau.<sup>3</sup> Pahlawan tersebut tidak pernah dikalahkan oleh mana-mana panglima tetapi tewas dengan seekor langau, lalu beliau menamakan tempat itu sebagai *Se-* (satu) langau, kemudiannya disebut Selangor.<sup>4</sup>

Pendapat lain menyebut nama<sup>5</sup> Selangor berasal dari pokok Mentangau<sup>6</sup>, sejenis kayu laut. Kepelatan menyebut Mentangau menjadi Selangor<sup>7</sup>.

<sup>1</sup> J.M Gullick (1970), *Sistem Politik Bumiputera*. Kuala Lumpur : t.p, h. 149-150.

<sup>2</sup> Khoo Kay Kim (1989). *Selangor Darul Ehsan, Satu Persepsi Sejarah*. T.t.p : Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, h. 12.

<sup>3</sup> Langau ialah lalat yang besar saiznya dan mengikut kepercayaan orang Melayu Kuno, kedatangan langau kepada seseorang adalah alamat tidak baik. Lihat Yusof Hassan (1981), *Sejarah dan Kesan-kesan Sejarah Kuala Selangor*. Petaling Jaya : Tra-Tra, h. 9.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Cerita daripada Tuan Hj. Said bin Bohir, bekas penghulu dan ADUN Permatang (kini kg. Permatang). Lihat Yusof Hassan (1981), *op.cit.*, h. 10.

Dalam buku-buku sejarah tempatan yang ditulis oleh orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris yang pernah datang ke Tanah Melayu telah menyebut dalam Bahasa Latin (kemudian ditulis oleh Buyong Adil) sebagai Salangor, Salengor, Solongor, Sorlongor<sup>8</sup>, Sorlangar, Sara Hongor, Chalangor dan Charanguror.<sup>9</sup>

Kerajaan Selangor diasaskan oleh Orang Bugis, tetapi pada abad ke 19, ramai penduduk dari luar telah berhijrah masuk terutamanya ke kawasan Kelang dan Hulu Langat. Orang Batu Bahara, Rawa dan Mandeling serta Minangkabau adalah sebahagian besar daripada berbagai rumpun bangsa Melayu yang menetap di Selangor.<sup>9</sup>

Proses imigrasi ini tetap berlaku pada abad ke 20. Satu golongan besar yang datang pada waktu itu ialah orang Jawa dan kebanyakannya mereka menetap di bahagian pantai terutamanya di bahagian Jeram, Kelang dan Langat-Jugra. Orang Banjar pula menetap di Tanjung Karang, orang Cina dan India juga turut datang semasa ladang getah dibuka pada awal abad ke 20. Ini menggambarkan masyarakat Selangor adalah di antara yang paling kosmopolitan di Semenanjung ini.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup> Mentangau adalah sejenis pokok kayu laut, hidup dalam air masin dan biasanya mempunyai ketinggian 14-20 kaki. Kayu ini sangat tahan berendam dalam air.

<sup>7</sup> Yusof Hassan (1981), *op.cit.*, h. 10.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 13.

<sup>9</sup> Khoo Kay Kim (1985), *Selangor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia, h. ix.

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. x.

### **1.1.2 Islam dan Sejarah Perkembangannya di Negeri Selangor.**

Perkembangan agama Islam di Selangor umumnya sama dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Sultan atau raja-raja Melayu sejak zaman berzaman lagi dianggap bukan sahaja sebagai pemerintah atau ketua di bidang pentadbiran politik tetapi juga ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.<sup>11</sup>

Sejarah kedatangan Islam ke Negeri Selangor merupakan sebahagian daripada rangkaian sejarah kedatangan Islam ke Alam Melayu seluruhnya.<sup>12</sup> Di Tanah Melayu, Islam tersebar pada abad yang ke-14 dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu bertarikh 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi.<sup>13</sup> Batu bersurat tersebut menjelaskan tentang undang-undang Islam yang dikuatkuasakan di kawasan berkenaan. Inilah tulisan arab yang terawal dalam sejarah persuratan melayu. Selain daripada batu bersurat, kegiatan penulisan di Malaysia bermula selepas tertubuhnya kerajaan Melaka pada tahun 1400 hingga tahun 1511 Masihi.<sup>14</sup>

Beberapa teori telah dikemukakan oleh para sejarawan tentang bagaimana Islam disebar ke Alam Melayu. T.W. Arnold berpendapat Islam disebarluaskan melalui perdagangan kerana Orang Arab telah lama mengadakan perdagangan di Kepulauan Melayu sebelum dan sesudah Islam.<sup>15</sup> Sementara S.Q Fatimi pula berpendapat bahawa ianya dilakukan oleh ahli-ahli Sufi yang datang bersama-

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 30.

<sup>12</sup> Mukhtar Shafie (1980), "Batu Nesan Kurun Ke 5H/10M" (dalam Monograf Tamadun Islam di Malaysia, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia), h. 13.

<sup>13</sup> Rodziah binti Muhammad (1993). "Sejarah Pengajian Hukum Islam di Malaysia" (Latihan Ilmiah, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 18.

<sup>14</sup> Muhammad Yusof Hashim (1989), *Melayu Melaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 76.

<sup>15</sup> T.W. Arnold (1968), *The Preaching of Islam*, cet. 3. Lahore : Penerbit Syed Muhammad Asyraf, h. 367-368.

sama pedagang dan ahli-ahli Sufi inilah yang menyebarkan Agama Islam pada abad ke 13.<sup>16</sup>

Ada juga yang berpendapat bahawa faktor perkahwinan berperanan untuk menyebarkan Islam di Tanah Melayu. Ini terbukti dengan Islamnya Parameswara, iaitu Raja Melaka yang pertama memeluk Agama Islam kerana ingin berkahwin dengan Puteri Raja Pasai dari Sumatera yang beragama Islam pada tahun 1414 Masihi.<sup>17</sup> Nama baginda ditukar kepada Megat Iskandar Syah. Dengan pengislaman baginda, maka berkembanglah Islam di Melaka. Dari Melaka pula Islam tersebar dengan luasnya ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. R.O. Winstedt berpendapat para ulama Melaka dianggap Kerajaan Melayu pertama menyusun perundangan yang mempunyai unsur-unsur syariat Islam<sup>18</sup> dan Melaka juga bertanggung jawab mengislamkan Kerajaan Jawa.<sup>19</sup>

Di Negeri Selangor, penyebaran Islam berkembang dengan pesatnya apabila Tun Perak, anak Bendahara Melaka dilantik menjadi penghulu di Kelang, sebelum ia dilantik menjadi Bendahara Melaka.<sup>20</sup> Ini diikuti pula dengan perlantikan Paduka Seri China,<sup>21</sup> sebagai Raja di Jeram iaitu sebuah daerah di Utara Kelang.<sup>22</sup>

Dalam pertengahan kedua kurun ke 18 Masihi iaitu pada 1756 Institusi Sultan telah diwujudkan di Negeri Selangor dengan Sultan Salehuddin sebagai

<sup>16</sup> S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*. Singapore : Malaysian Sosiological Research Institute Ltd., h. 30.

<sup>17</sup> W.G. Shellaber (1979), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 69.

<sup>18</sup> Muhammad Yusuf Hashim (1989), *op cit.*, h. 217.

<sup>19</sup> D.C.E. Hall (1964), *A History of South-East Asia*. London : Macmillan, h. 198.

<sup>20</sup> Buyong Adil (1971), *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

<sup>21</sup> Paduka Seri China adalah Putera Sultan Mansur Shah hasil perkahwinan dengan Puteri Maharaja China, Hang Li Po.

<sup>22</sup> R.O. Winstedt (1934), *A History of Selangor*, vol. XII. T.M.B.R.A.S, h. 1.

sama pedagang dan ahli-ahli Sufi inilah yang menyebarluaskan Agama Islam pada abad ke 13.<sup>16</sup>

Ada juga yang berpendapat bahawa faktor perkahwinan berperanan untuk menyebarluaskan Islam di Tanah Melayu. Ini terbukti dengan Islamnya Parameswara, iaitu Raja Melaka yang pertama memeluk Agama Islam kerana ingin berkahwin dengan Puteri Raja Pasai dari Sumatera yang beragama Islam pada tahun 1414 Masihi.<sup>17</sup> Nama baginda ditukar kepada Megat Iskandar Syah. Dengan pengislaman baginda, maka berkembanglah Islam di Melaka. Dari Melaka pula Islam tersebar dengan luasnya ke negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. R.O. Winstedt berpendapat para ulama Melaka dianggap Kerajaan Melayu pertama menyusun perundangan yang mempunyai unsur-unsur syariat Islam<sup>18</sup> dan Melaka juga bertanggung jawab mengislamkan Kerajaan Jawa.<sup>19</sup>

Di Negeri Selangor, penyebaran Islam berkembang dengan pesatnya apabila Tun Perak, anak Bendahara Melaka dilantik menjadi penghulu di Kelang, sebelum ia dilantik menjadi Bendahara Melaka.<sup>20</sup> Ini diikuti pula dengan perlantikan Paduka Seri China,<sup>21</sup> sebagai Raja di Jeram iaitu sebuah daerah di Utara Kelang.<sup>22</sup>

Dalam pertengahan kedua kurun ke 18 Masihi iaitu pada 1756 Institusi Sultan telah diwujudkan di Negeri Selangor dengan Sultan Salehuddin sebagai

<sup>16</sup> S.Q. Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore : Malaysian Sociological Research Institute Ltd., h. 30.

<sup>17</sup> W.G. Shellaber (1979), *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 69.

<sup>18</sup> Muhammad Yusuf Hashim (1989), *op cit.*, h. 217.

<sup>19</sup> D.C.E. Hall (1964), *A History of South-East Asia*. London : Macmillan, h. 198.

<sup>20</sup> Buyong Adil (1971), *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

<sup>21</sup> Paduka Seri China adalah Putera Sultan Mansur Shah hasil perkahwinan dengan Puteri Maharaja China, Hang Li Po.

<sup>22</sup> R.O. Winstedt (1934), *A History of Selangor*, vol. XII. T.M.B.R.A.S, h. 1.

sultan yang pertama (1756-1782). Beliau adalah anak kepada Daeng Celak Yamtuhan Muda Riau II yang berasal dari keturunan Raja Bugis yang pertama bernama Upu Landusulat.<sup>23</sup> Beliau adalah Raja Bugis yang pertama memeluk Islam.<sup>24</sup> Gelaran Sultan adalah satu gelaran kepada raja-raja Islam.

\*

Kesan ajaran Islam dan pengaruh ulama jelas terdapat di Istana Selangor. Hal ini dapat dilihat dalam zaman pemerintahan Sultan Selangor yang ketiga iaitu Sultan Muhammad (1826-1857). Di masa pemerintahan baginda, seorang ulama dari Bima Sumatera telah berkunjung ke Selangor. Dalam kunjungan itu beliau telah mengharamkan menyimpan beberapa barang kerajaan yang tidak dibenarkan pemakaianya dalam Islam, khasnya pakaian dan perhiasan raja-raja di hari pertabalan warisan dari pakaian raja-raja Bugis. Dengan itu semua barang-barang kerajaan zaman al-marhum sebelumnya yang diperbuat daripada emas di musnahkan.<sup>25</sup>

Dalam tahun 1875, di beberapa tempat di Negeri Selangor, terdapat imam-imam yang tidak bergaji telah diberi tauliah oleh sultan iaitu Tengku Ziauddin. Dengan tauliah tersebut mereka diberi kuasa dalam hal-hal mengenai pernikahan dan perceraian dan membicarakan kes-kes pelanggaran terhadap undang-undang Islam dan sistem ini terus berkuatkuasa di bawah Sistem Residen.<sup>26</sup> Pada tahun 1877, Residen melaporkan bahawa semua kes berhubung dengan Agama atau

<sup>23</sup> Buyong Adil (1971), *op.cit.*, h. 13.

<sup>24</sup> Wan Muhammad Amin bin Wan Said (1966), *Pesaka Selangor*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 89.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Emily Sadka (1968), *The Protected Malay States 1874-1895*. Singapore : University of Malaya Press, h. 268.

undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, dibicarakan oleh Imam dalam mahkamah terbuka.<sup>27</sup>

Dalam tahun 1884, satu permohonan telah dibuat oleh penghulu Mukim Setapak, Kuala Lumpur untuk mendapatkan seorang Qadi. Pemangku Residen telah menolak permohonan itu dengan alasan bahawa sultan telah memberi kuasa kepada Imam Kuala Lumpur memangku jawatan Qadi sementara menunggu perlantikan Qadi untuk seluruh Negeri Selangor dilaksanakan.<sup>28</sup> Akhirnya pada tahun 1885 permohonan tersebut diperkenankan dan seorang Qadi iaitu Haji Jaafar bin Haji Abdullah telah dilantik untuk Negeri Selangor.<sup>29</sup>

Tiga tahun selepas campur tangan Inggeris iaitu pada tahun 1877, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah ditubuhkan atas arahan pemerintahan Inggeris.<sup>30</sup> Majlis Mesyuarat ini bertanggung jawab membuat undang-undang dan peraturan pentadbiran negeri termasuklah hal ehwal Agama Islam. Mesyuarat pertama Majlis ini diadakan di Jugra pada April 1877.<sup>31</sup> Pada 5 September 1879, Majlis ini telah mengisyiharkan bahawa sultan adalah Ketua Agama Islam Negeri.<sup>32</sup> Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947. Pada tahun berikutnya (1948) ditubuhkan pula Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Qadi berkenaan dibayar gaji RM50.00 sebulan. Lihat surat daripada Sultan Abdul Samad kepada Residen Selangor bertarikh 1 Mac 1885, dalam fail no. 367/85 simpanan Arkib Negara, Kuala Lumpur.

<sup>30</sup> Ernest Chew (1966), *The First State Council in The Protected Malay States*, vol. XXXIX, part I. J.M.B.R.A.S, h. 183.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 182.

<sup>32</sup> A.B. Voules (1901), *Law of Selangor 1877-1899*. Kuala Lumpur : t.p, h. 2.

undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian, dibicarakan oleh Imam dalam mahkamah terbuka.<sup>27</sup>

Dalam tahun 1884, satu permohonan telah dibuat oleh penghulu Mukim Setapak, Kuala Lumpur untuk mendapatkan seorang Qadi. Pemangku Residen telah menolak permohonan itu dengan alasan bahawa sultan telah memberi kuasa kepada Imam Kuala Lumpur memangku jawatan Qadi sementara menunggu perlantikan Qadi untuk seluruh Negeri Selangor dilaksanakan.<sup>28</sup> Akhirnya pada tahun 1885 permohonan tersebut diperkenankan dan seorang Qadi iaitu Haji Jaafar bin Haji Abdullah telah dilantik untuk Negeri Selangor.<sup>29</sup>

Tiga tahun selepas campur tangan Inggeris iaitu pada tahun 1877, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor telah ditubuhkan atas arahan pemerintahan Inggeris.<sup>30</sup> Majlis Mesyuarat ini bertanggung jawab membuat undang-undang dan peraturan pentadbiran negeri termasuklah hal ehwal Agama Islam. Mesyuarat pertama Majlis ini diadakan di Jugra pada April 1877.<sup>31</sup> Pada 5 September 1879, Majlis ini telah mengisyiharkan bahawa sultan adalah Ketua Agama Islam Negeri.<sup>32</sup> Undang-undang Tubuh Negeri Selangor telah digubal pada tahun 1947. Pada tahun berikutnya (1948) ditubuhkan pula Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> Qadi berkenaan dibayar gaji RM50.00 sebulan. Lihat surat daripada Sultan Abdul Samad kepada Residen Selangor bertarikh 1 Mac 1885, dalam fail no. 367/85 simpanan Arkib Negara, Kuala Lumpur.

<sup>30</sup> Ernest Chew (1966), *The First State Council in The Protected Malay States*, vol. XXXIX, part 1. J.M.B.R.A.S, h. 183.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 182.

<sup>32</sup> A.B. Voules (1901), *Law of Selangor 1877-1899*. Kuala Lumpur : t.p, h. 2.

Selangor.<sup>33</sup> Pada tahun ini juga Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor mula digubal dan telah diluluskan serta dikuatkuasakan mulai 5hb. Disember 1952. Ianya merupakan enakmen yang pertama diluluskan untuk mengatur pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Di bawah undang-undang ini juga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ditubuhkan.

a) **JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor )**

Jabatan ini ditubuhkan pada 1948 dengan nama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Selangor di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1947. Pejabat jabatan ini pada mulanya ditempatkan di bangunan bekas Kelab Diraja Selangor berhampiran istana lama, Istana Alam Shah, Kelang.<sup>34</sup> Pada tahun 1953, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu pula ditubuhkan di bawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952. Pada mulanya Adat Istiadat Melayu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam adalah dua badan ~~berasingan~~ tetapi pada tahun 1973, DYMM Sultan Selangor telah mengisyiharkan percantuman kedua-dua badan tersebut menjadi sebuah jabatan yang dikenali sebagai JAIS.

JAIS telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan kerohanian rakyat di Selangor. Misi JAIS menjadikannya sebagai jabatan terbaik, jabatan contoh, bertaraf dunia, disegani dan diredhai Allah. Untuk

---

<sup>33</sup> Muhammad Rafai bin Abdullah (1970), "Struktur dan Organisasi Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Negeri Selangor" (Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 28.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 128.

itu JAIS akan terus berusaha meningkatkan pemahaman dan penghayatan Islam secara berterusan, melalui usaha-usaha dakwah pendidikan dan penghayatan Islam yang menyeluruh. Untuk mencapai objektif di atas JAIS telah melaksanakan beberapa strategi seperti perlaksanaan pakej dakwah belia, memperkuatkan dan menambah bilangan kelas al-Qur'an dan fardhu 'ain, pemantapan institusi masjid, menyediakan kursus-kursus dakwah dan amali muslim dipusat dakwah Selangor dan menyediakan khidmat nasihat dan melayani aduan.<sup>35</sup>

JAIS juga telah membahagikan struktur organisasinya kepada beberapa bahagian agar ia lebih efektif dan menepati matlamat yang disasarkan. Ini termasuklah Bahagian Pengurusan, Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Pengurusan Dakwah, Bahagian Perundungan Keluarga, Bahagian Perundungan Syarak, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Bahagian Pengurusan Masjid telah diamanahkan untuk menyeliakan hal ehwal masjid seperti pentadbiran masjid, mengimarahkan masjid (kelas takmir) serta menyelenggarakan masjid. Di Negeri Selangor terdapat sebanyak 374 buah masjid iaitu sebuah masjid negeri, tiga buah masjid Diraja, 12 buah masjid Jamek dan 358 buah masjid qariah di samping 1102 buah surau.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Tonggak 10 : Pemacu Selangor 2005, Unit Perancang dan Pembangunan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Selangor Darul Ehsan, (1998), h. 119-120.

<sup>36</sup> "Ulama dan Ummah", (Kertas Kerja Muzakarah Umara di Dewan Jubli Perak, Shah Alam, dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Masjid, 27 Ogos 2001), h. 2.

**b) MAIS (Majlis Agama Islam Selangor)**

Secara rasminya ia ditubuhkan pada Januari 1953 di bawah Seksyen 4 (1) Bahagian 11 Enakmen Pentadbiran Perundangan Selangor 1989.<sup>37</sup> MAIS memainkan peranan yang besar dalam mempergiatkan usaha-usaha dakwah selaras dengan visinya “Malahirkan masyarakat Islam yang maju, berjaya, progresif, dinamik dan diredhai Allah berlandaskan al-Qur’ān dan al-Sunnah selaras dengan visi negeri Selangor untuk menjadi negeri maju menjelang 2005”. Ini menggambarkan bahawa MAIS mempunyai fungsi yang amat besar dalam bidang-bidang keagamaan. Antara fungsi-fungsinya ialah :<sup>38</sup>

- i. Menolong dan menasihatkan DYMM Sultan di dalam segala perkara yang berkaitan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Pentadbiran Am Majlis Agama Islam, Perkhidmatan, Fatwa Kehakiman Syariah, Kewangan, Kutipan Zakat Fitrah, Zakat Harta, Zakat Padi, Zakat Perniagaan, Wasiat, Nazar dan Baitulmal.
- ii. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat seterusnya menimbang, memutus, merancang, membuat dan menentukan sesuatu dasar untuk dijalankan oleh Majlis setelah mendapat keizinan DYMM Sultan.
- iii. Melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi membantu Majlis menjalankan tugas atau melaksanakan kuasanya.
- iv. Membuat keputusan mana-mana fatwa yang tidak mendapat keputusan sebulat suara oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 13-14.

- v. Menimbang keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.
- vi. Menubuhkan Baitulmal dan menjadi pemegang amanah tunggal segala harta baik wakaf am atau wakaf khas.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa Kerajaan Selangor telah meletakkan agenda agama sebagai salah satu agenda utama dalam merangka program-program pembagunannya. Ini terbukti apabila salah satu agenda dalam program Tonggak 10<sup>39</sup> Kerajaan Negeri Selangor adalah program keagamaan. Fasa III Tonggak 10 menjelaskan bahawa untuk melengkapkan pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi negara maju 2020, kerajaan akan mempertingkatkan penghayatan dan kefahaman Agama Islam dan moral melalui pendidikan yang bersepada dan menyeluruh, terutama di kalangan generasi muda.<sup>40</sup> Untuk mencapai wawasan tersebut, beberapa isu telah diketengahkan antaranya<sup>41</sup> isu pemantapan akidah, isu penyempurnaan ibadat, pelaksanaan Syariah Islamiyah dan isu keluhuran akhlak.

#### **1.1.3 Shah Alam dan Peranannya dalam Bidang Pendidikan.**

##### **a) Sejarah Ringkas Shah Alam.**

Shah Alam pada suatu ketika dahulu merupakan sebuah ladang kelapa sawit. Ia dikenali sebagai nama Sungai Renggam dengan keluasan 1700

<sup>39</sup> Tonggak 10 adalah wawasan Kerajaan Negeri Selangor untuk merangka pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Ianya telah diumumkan oleh YAB Dato' (Dr.) Hj. Abu Hassan bin Hj. Omar, Menteri Besar Selangor pada 10 Jun 1997 di Radio Tiga Shah Alam.

<sup>40</sup> Tonggak 10 : Pemacu Selangor 2005, *op.cit.*, h. 62.

<sup>41</sup> *Ibid.*, h. 16-18.

hektar.<sup>42</sup> Ia dibuka pada tahun 1963 untuk menggantikan ibu negeri Selangor iaitu Kuala Lumpur yang dirancang untuk dijadikan Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974. Pada 7 Disember 1978, atas perkenan DYMM Sultan Selangor Shah Alam diisytiharkan sebagai ibu Negeri Selangor yang baru.<sup>43</sup> Nama Shah Alam adalah pilihan dan perkenan Baginda sempena memperingati Sultan Alam Shah yang memerintah Kerajaan Selangor dalam tempoh 1938-1960.<sup>44</sup> Keluasan Shah Alam pada ketika itu adalah 41.69 km persegi. Pada 1 Januari 1997, Shah Alam diperluaskan kepada 290.3 km persegi (Pelan Warta 197).<sup>45</sup>

Ibu Negeri Selangor, negeri termaju di Malaysia ini dinaikkan taraf menjadi bandaraya pada 10 Oktober 2000. Upacara gilang gemilang dengan mengekalkan adat istiadat Melayu dilangsungkan penuh kemeriahian di Dataran Shah Alam. Y. Bhg. Dato' Haji Sujak Hj. Mahmud dilantik sebagai Datuk Bandar yang pertama.<sup>46</sup> Dengan pengisytiharan ini Shah Alam menjadi bandaraya ketujuh di Malaysia selepas Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Kota Kinabalu.

<sup>42</sup> Ahmad Sarju (1998), *Enchanting Selangor Darul Ehsan*. Ainan Bahar (terj). Shah Alam : Perbadanan Permodalan Selangor, h. 19.

<sup>43</sup> Majlis Bandaraya Shah Alam (2001), Jabatan Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Shah Alam, siri 1, h. 12.

<sup>44</sup> Khoo Kay Kim (1992), *Riwayat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Sejarah dan Proses Pembangunannya*. Kuala Lumpur : United Press Sdn. Bhd., h. 54.

<sup>45</sup> Majlis Bandaraya Shah Alam (2001), *op.cit.*, lihat juga Shah Alam Terus Cemerlang, terbitan MBSA, Feb. 2001.

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 14.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersetuju untuk menaikkan taraf Shah Alam sebagai bandaraya setelah bandar ini memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu :<sup>47</sup>

- i. Bandar ibu negeri.
- ii. Mempunyai jumlah penduduk melebihi 400 000 orang.
- iii. Menjadi pusat pentadbiran, perniagaan dan perdagangan.
- iv. Jumlah pendapatan tahunan melebihi RM 100 juta.

Shah Alam juga telah diisyiharkan sebagai Bandar Anggerik pada tahun 1991 oleh Menteri Besar Selangor ketika itu, YAB Tan Sri Muhammad Mohd Taib.<sup>48</sup> Keluasan Shah Alam meningkat secara berperingkat-peringkat seperti yang dapat dilihat pada jadual di bawah:

Jadual 1.1: Peringkat Keluasan Shah Alam

Pelan Pembangunan	Tahun	Kawasan Tambahan	Keluasan (hektar/km persegi)
Pelan Pembangunan Shah Alam	1960	Seksyen 1-16	19.68
Pelan Struktur	1979	Seksyen 1-24	41.69
Pelan Perluasan Shah Alam	1983	Seksyen 1-28	53.10
Pelan Warta 968	1994	Seksyen 1-39 Seksyen U1-U14	261.70
Pelan Warta 1190	1997	Seksyen U1-U20 (utara) Seksyen 1-24 (tengah) Seksyen 25-36 (Selatan)	290.30

Sumber : Jabatan Perancangan MBSA, Julai 2000

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 30.

Mengikut Pelan Warta 1190 yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1997, Shah Alam dibahagikan kepada 56 Seksyen iaitu:<sup>49</sup>

Kawasan Utara -	Seksyen U1-U20
Kawasan Tengah -	Seksyen 1-24
Kawasan Selatan -	Seksyen 25-36

Bersetujuan dengan keluasan Shah Alam yang semakin bertambah, penduduknya juga bertambah dengan pesatnya. Sehingga mencapai piawaian kriteria sebuah bandaraya (melebihi 400 000 orang). Anggaran penduduk Shah Alam digambarkan oleh jadual di bawah.

**Jadual 1.2: Anggaran Bilangan Penduduk di Shah Alam**

Tahun	Jumlah Penduduk
1985	41 614
1990	130 000
1995	177 981
2000	403 174
2005	584 340
2010	750 203

Sumber : Jabatan Perancangan MBSA

Seiring dengan perkembangannya sebagai bandaraya, pihak berkuasa MBSA<sup>50</sup> telah memperlengkapkan pelbagai kemudahan sosial. Dalam

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 23.

<sup>50</sup> MBSA adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (dulunya dikenali sebagai Perbandaran Shah Alam) telah ditubuhkan pada 7 Disember 1978 di bawah akta 171, Akta Kerajaan Tempatan.

bidang sukan dan rekreasi, Majlis ini telah menyediakan kemudahan seperti stadium (4 buah), Kompleks Sukan (3 buah), satu buah Pusat Akuatik, satu Taman Pertanian, satu Taman Rekreasi Air Wet World, Taman Tasik (3 buah), Taman Permainan Kanak-kanak (88 buah) dan Kelab Golf (9 buah). MBSA juga telah menyediakan kemudahan awam, pendidikan, perubatan, pengangkutan awam, tempat ibadat dan pelbagai infrastruktur untuk kemudahan penduduk.

**b) Peranan Shah Alam dalam Pendidikan**

Peranan bandar Shah Alam sebagai Pusat Pengajian Tinggi dan pendidikan di Lembah Kelang tidak kurang pentingnya. Ini terbukti dengan adanya beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan kursus-kursus profesional peringkat ijazah kedoktoran, ijazah, diploma dan sijil dalam pelbagai bidang pengajian seperti Universiti Teknologi MARA, Shah Alam (UiTM), Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Kolej Industri Pendidikan Negeri Selangor (INPENS), Politeknik Shah Alam dan Sekolah Menengah Vokasional.

Di peringkat persekolahan pula terdapat 29 buah sekolah rendah dan 12 buah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di bandar ini yang menjalankan sesi persekolahan pagi dan petang. Ini memberikan kemudahan pendidikan kepada lebih daripada 42 000 orang pelajar di seluruh kawasan Shah Alam. Ini termasuklah sejumlah 26 053 orang pelajar di peringkat

sekolah rendah dan bakinya seramai 63 718 orang pula di peringkat sekolah menengah.<sup>51</sup>

Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mempertingkatkan penghayatan dan kefahaman Agama Islam,<sup>52</sup> MBSA telah menyahut seruan tersebut dengan memperuntukkan seluas 192.32 ekar persegi iaitu 0.27 ekar persegi daripada keluasan Shah Alam untuk membina sebanyak 22 buah masjid dan 57 buah surau.<sup>53</sup> Selain daripada MBSA, JAIS juga telah berusaha meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam secara berterusan dengan memperkuuhkan dan menambahkan bilangan kelas al-Qur'an dan fardhu 'ain dan melakukan pemantapan terhadap institusi masjid untuk warga Shah Alam khasnya.

Pihak pimpinan juga tidak ketinggalan memberi galakan kepada rakyatnya supaya menuntut ilmu, kerana untuk menjadi umat cemerlang, rakyat seharusnya menguasai ilmu. Hanya orang yang berilmu yang mampu memberi bimbingan serta idea kreatif untuk mencapai kemajuan dan memperbaiki taraf kehidupan diri, keluarga, masyarakat dan negara.<sup>54</sup>

Gandingan pelbagai pihak di atas menghasilkan kelas-kelas pengajian di masjid dan surau. Golongan wanita juga tidak ketinggalan menggunakan

---

<sup>51</sup> Jabatan Perancangan Bandar, MBSA.

<sup>52</sup> Tonggak 10: Pemacu Selangor 2005, *op.cit.*, h. 62.

<sup>53</sup> Rujukan daripada Pelan-pelan Perancangan Shah Alam sehingga Ogos 1999 - Jabatan Perancangan MBSA.

<sup>54</sup> Koleksi ucapan Menteri Besar Selangor, (1997-1998), Pejabat Menteri Besar Negeri Selangor, 1999, h. 956.

peluang ini bahkan ianya telah mendapat sambutan yang menggalakkan.<sup>55</sup> Kelas-kelas pengajian wanita tidak terhad di masjid-masjid sahaja bahkan juga di surau-surau, di rumah-rumah persendirian dan tempat-tempat pengajian swasta. Akademi Islam Jam'iyyah adalah salah satu tempat pengajian yang terkenal di Shah Alam dan separuh daripada pelajarnya adalah wanita.<sup>56</sup> Di rumah-rumah persendirian, ia dianjurkan atas inisiatif tuan rumah sendiri secara sukarela. Ia dianjurkan oleh badan-badan pertubuhan wanita seperti Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (PPP) atau lebih dikenali sebagai Woman Institute (WI) dan juga Unit Muballighah yang merupakan badan NGO. Program pengajian ini telah memecahkan tembok-tembok batasan sosial di antara masyarakat kerana majlis ini berjaya menarik golongan-golongan elit yang berada di Shah Alam.<sup>57</sup>

Masa yang ditentukan untuk kelas-kelas tersebut merangkumi berbagai-bagi kategori seperti hari minggu, hujung minggu atau pun pada hari biasa samada siang atau malam mengikut keserasian jemaah tersebut. Selepas tamat pengajian tersebut di sesetengah tempat diadakan jamuan ringkas sebagai mengikuti amalan para sahabat dahulu kala yang sering berkumpul untuk majlis bacaan al-Qur'an al-Karim, dan mereka tidak akan berpisah melainkan sesudah menjamah sedikit jamuan, walaupun ringan.<sup>58</sup>

<sup>55</sup> Temubual penulis dengan Ustazah Sarijah Bejo pada 26 Oktober 2001 di pejabatnya (S.U.K), Shah Alam.

<sup>56</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Safwan Fathy, Pengurus Akademi Islam Jam'iyyah (Pusat Bimbingan Penghayatan Islam) pada 5 Februari 2002, 11.30 pagi dipejabatnya.

<sup>57</sup> Temubual penulis dengan Hajah Mariah Musa, Pengasas dan Pengurus WI Daerah Petaling merangkap Pengurus WI cawangan Seksyen 3 dan 4 Shah Alam pada 11 September 2002, 6.00 petang di rumahnya.

<sup>58</sup> Imam al-Ghazali (1990), *Bimbangan Mu'minin pada mencari redha rabbil 'alamin*. Syed Ahmad Semait (terj.), cet. 7. Singapore : Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 206.

## 1.2 PENGERTIAN JUDUL DAN PERUMUSAN MASALAH

### 1.2.1 Pengertian Judul

Tajuk kajian atau penyelidikan yang penulis akan kemukakan di dalam penulisan ilmiah ini ialah: Pendidikan Islam di Kalangan Wanita di Shah Alam: Suatu Kajian di Masjid-masjid.

Pendidikan ialah nama terbitan dari kata dasar “didik” yang memberi erti perihal mendidik, latihan dan ajaran.<sup>59</sup> Dalam bahasa Arab, pendidikan disebut sebagai “التربيّة” iaitu dari kata dasar “بَرِّيْبَهُ” yang bererti mengasuh, memelihara dan memimpin.<sup>60</sup> Pendidikan adalah nama terbitan dari “didik” bermakna jaga dan pelihara. Pendidikan pada istilah pula mempunyai banyak pendapat. Yūsuf al-Hamidī berpendapat pendidikan merupakan satu tugas mendidik anak-anak dengan pelbagai aktiviti untuk berhadapan dengan segala bentuk cabaran atau tribulasi agar menjadi manusia yang berguna kepada agama, diri, negara dan masyarakat Islam seluruhnya.<sup>61</sup>

Islam ialah berasal dari perkataan “الْسُّلْطَانُ” yang bererti “selamat sejahtera”. Pada istilah “Islam” bererti kepatuhan, ketundukan dan penyerahan diri kepada Allah s.w.t yang lahir dari kesedaran dan bukannya kerana paksaan.<sup>62</sup> Islam menurut Kamus Dewan adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad

<sup>59</sup> Muhammad Idris al-Marbawi (t.t.), *Qamus Arab – Melayu*, cet. IV. Singapura : Pustaka Nasional, hal. 233.

<sup>60</sup> Mohd. 'Alī Hasyimī (1986), *Keperibadian Muslim*. Haji Tahir Daeng Mengati (terj.). Kuala Lumpur : Pustaka Salam, h. 147.

<sup>61</sup> Yūsuf al-Hamidī (1987), *Asālib al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Riyād : Dār al-Murikh, h. 21.

<sup>62</sup> Abd al-Karim Zaidan (1984), *Usul al-Da'wah*. H.M. Asywadi Syukur LC (terj.), Dasar-Dasar Ilmu Dakwah. Kuala Lumpur : Pustaka Al- Ameen, h. 4.

s.a.w.<sup>63</sup> Ia juga bermaksud satu sistem atau perundangan yang lengkap untuk urusan kehidupan yang dibawa oleh pesuruh Allah (Nabi Muhammad s.a.w) untuk disampaikan kepada manusia sebagai panduan dan ikutan.<sup>64</sup>

Pendidikan Islam pula pada umumnya bererti suatu proses yang dilalui oleh pelajar di bawah bimbingan pendidik untuk membentuk keperibadian utama menurut landasan Islam.<sup>65</sup> Seperti yang diketahui umum, bidang pendidikan Islam adalah satu bidang yang penting dalam menggambarkan kegemilangan tamadun umat Islam kini. Ianya juga dapat dikatakan sebagai asas bagi kemajuan umat Islam di bidang-bidang yang lain. Umat yang maju ialah umat yang dapat merealisasikan kekayaan ilmu pengetahuan yang diperolehi berdasarkan ajaran dan landasan Islam.<sup>66</sup> Ianya adalah hasil percantuman antara semangat al-Qur'an dengan peradaban-peradaban yang wujud sebelum Islam seperti Yunani, Parsi dan India. Ia tidak membezakan antara kebenaran wahyu dan kehidupan mental, rohani dan material. Pendidikan yang ideal wujud apabila ilmu diajar kerana ia mengandungi kelazatan rohani yang sampai kepada hakikat ilmiah dan akhlak yang terpuji.<sup>67</sup>

Kalangan pula bererti kelompok orang atau golongan tertentu.<sup>68</sup>

<sup>63</sup> Teuku Iskandar (1989), *Kamus Dewan*, cet. IV. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1459.

<sup>64</sup> Abū al-'Alā al-Maudūfi (t.t), "Toward Understanding of Islam. Elwin Siergar (terj.), Dasar Akidah Islam", *Media Dakwah*, Jakarta, h. 18.

<sup>65</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 44.

<sup>66</sup> Hasan Langgulung (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 23.

<sup>67</sup> \_\_\_\_\_ (1987), *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta : Pustaka al-Husna, h. 32.

<sup>68</sup> Teuku Iskandar (1989), *op.cit.*, h. 520.

Wanita ertiannya orang perempuan, puteri, isteri dan ibu yang diciptakan oleh Allah s.w.t dengan perwatakannya yang lemah lembut, halus kulitnya, lembut sendinya berbeza dengan bentuk dan susunan tubuh lelaki.<sup>69</sup> Wanita juga bermaksud perempuan dewasa.<sup>70</sup> Dewasa pula bererti "Seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun."<sup>71</sup> Oleh itu wanita dalam kajian ini merujuk kepada seseorang yang telah mencapai umur 18 tahun dan ke atas.

Kajian berasal dari perkataan kaji. Iaitu kegiatan (usaha, proses) mengkaji.<sup>72</sup> Maksudnya pengetahuan yang kita dapat hasil daripada pembacaan atau tinjauan.

Masjid : Perkataan masjid berasal dari perkataan arab (مسجد) bererti telah sujud. Masjid ialah tempat sujud kepada Allah swt dan setiap tempat yang digunakan untuk tujuan tersebut adalah masjid.<sup>73</sup> Ia juga dikenali sebagai *al-khumrāt* yang bererti hamparan (tikar) yang kecil sebagaimana hadis yang menjelaskan bahawa Rasulullah saw mengerjakan solat di atas *al-khumrat* iaitu hamparan kecil (sekadar untuk sujud).<sup>74</sup> Menurut istilah syarak, masjid ialah tempat sujud. Al-Imam al-Zarkasyī berpendapat bahawa semua tempat untuk beribadat adalah masjid.<sup>75</sup> Ini berdasarkan hadith Rasulullah saw:

<sup>69</sup> K.H. Moenawwar Chalil (1977), *Nilai Wanita*. Indonesia : CV Ramadhari Solo, h. 11.

<sup>70</sup> Oxford University Press (1983), *The Oxford Paper Back Dictionary*, cet. 2. Great Britain : t.p., h. 781.

<sup>71</sup> Rohani Abdul Rahman (1991), *Undang-undang Wanita dan Kanak-kanak*. Bandar Baru Bangi : Citra Publishing, h. 2.

<sup>72</sup> Teuku Iskandar (1989), *op.cit.*, h. 517.

<sup>73</sup> Muhammad 'Abdul Allah al-Zarkasyī (1989), *I 'lām al-Sajid bi Ahkam al-Masjid*. Al-Qāherah : Dār al-Kitāb al-Misr, h. 26-27.

<sup>74</sup> Su'ad Mahir Muhammad (1971), *Masājid Miṣr wa Awliyāh al-Solihīn*. Qāherah : Jumhuriyah Miṣr al-'Arabiyyah, h. 29.

<sup>75</sup> Nash Ahmad (1998), *Masjid, Sejarah, Ciri-ciri dan Pembentukan dan Pembinaan Masjid-masjid di Malaysia*. Kuala Lumpur : Puncak Awal (M) Sdn. Bhd., h. 30.

وَجَعَلْتَ لَنَا الْأَرْضَ كُلُّهَا مَسْجِدًا<sup>76</sup>

**Maksudnya :**

“Dijadikan untuk ku bumi sebagai masjid”.

Selain perkataan masjid, kalimah *jami'* (masjid jami') juga digunakan bagi masjid utama yang mendirikan solat jumaat dan solat fardhu berjemaah.<sup>77</sup>

Profesor Dr. Ahmad Syalabī pula menyatakan bahawa seluruh bumi ini merupakan masjid dan sebagai tempat ibadat. Manakala masjid yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w memberi makna yang lebih luas iaitu sebagai tempat ibadat dan pertemuan para muslimin.<sup>78</sup>

Pengertian di atas disokong oleh al-Syeikh Muhammad Mutawallī al-Syahrawī. Beliau berpendapat bahawa di mana-mana sahaja di muka bumi ini adalah masjid (tempat sujud) dan manusia boleh melakukan solat di samping menjalankan aktiviti kehidupan yang lain. Manakala masjid dalam pengertian yang sebenarnya adalah tempat yang dikhususkan untuk solat dan tidak digalakkan melakukan aktiviti kehidupan yang lain.<sup>79</sup>

Secara umum masjid adalah semua tempat yang digunakan untuk beribadat kepada Allah s.w.t. meliputi seluruh bumi ini. Bumi ini adalah masjid (tempat sujud) kepada Allah s.w.t dan manusia tidak dibatasi dengan sesuatu tempat,

<sup>76</sup> Imām Muslim(1981), *Šaḥīḥ Muslim bi Syarḥi al-Nawawī*. Kitāb al-Masājid, Mawādī' al-Solāh, juzuk 1. t.tp : Dar al-Fikr.

<sup>77</sup> Su'ad Mahrī Muhammād (1971), *op cit.*, h. 17.

<sup>78</sup> Ahmad Syalabī, *Masyarākat Islām. Mučtar Jahyā* (terj.). Singapura : Pustaka Nasional, h. 31.

<sup>79</sup> Muhammād al-Dawwūrī (1986), *al-Masājid fī al-Kitāb wa al-Sunnah wa Aqwāl al-'Ulamā'*. Qāherah : Dār al-Wafā'li Tabā'ah wa al-Nasyr, h. 54.

ruang atau bangunan khusus bagi melaksanakan kewajipan beribadah kepada penciptanya.

### **1.2.2 Perumusan Masalah**

Rumusan masalah ialah apa yang perlu dikaji berkenaan dengan Pendidikan Islam atau kelas-kelas pengajian di kalangan wanita yang diadakan di masjid-masjid di Shah Alam. Kajian ini mempunyai beberapa masalah utama iaitu :

- i. Bagaimakah kesedaran dan minat kaum wanita di Shah Alam terhadap program-program keagamaan yang diadakan di masjid?
- ii. Apakah daya tarikan dan sistem pembelajaran yang bersesuaian dengan kaum wanita?
- iii. Adakah persatuan-persatuan wanita berperanan dalam mempertingkatkan kelas-kelas pengajian untuk wanita?
- iv. Apakah permasalahan yang wujud dalam sistem pendidikan wanita di masjid-masjid?

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini ialah untuk :

- i. Memperolehi data mengenai kesedaran dan minat kaum wanita di Shah Alam terhadap program-program keagamaan.
- ii. Memperolehi data mengenai daya tarikan dan sistem pembelajaran yang bersesuaian dengan kaum wanita.

- iii. Meninjau pendapat mereka mengenai peranan persatuan-persatuan wanita untuk mempertingkatkan kelas-kelas untuk kaum wanita.
- iv. Mengenal pasti permasalahan yang dihadapi dalam perkembangan pendidikan (pengajian) di kalangan wanita.
- v. Menjadi pembuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian seterusnya.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi membantu beberapa pihak dari segi :

- i. Memberi maklumat dan bahan rujukan kepada pihak pengurusan masjid terhadap keberkesanannya aktiviti kewanitaan yang dijalankan.
- ii. Dapat membantu pihak masjid khususnya Biro Muslimat masjid berusaha untuk memperbaiki kelemahan yang wujud serta menyediakan pelan tindakan yang kemas dan lebih bersesuaian dengan kehendak semasa.
- iii. Memberi maklumat kepada tenaga-tenaga pengajar tentang minat dan kehendak wanita yang menjadi *audience*.
- iv. Memberi dorongan dan galakan kepada wanita supaya mempertingkatkan minat untuk menghadiri majlis agama di masjid-masjid.

## 1.5 BATASAN KAJIAN.

Kajian ini dijalankan di masjid-masjid Shah Alam. Respondennya terdiri daripada wanita yang menghadiri kelas pengajian yang dianjurkan oleh Biro Wanita di beberapa masjid tersebut. Penulis hanya memfokuskan kepada Masjid Jumaat sahaja,<sup>80</sup> dan hanya mengambil tujuh buah daripada masjid-masjid tersebut iaitu :

- i. Satu buah mewakili pelbagai taraf hidup.<sup>81</sup>
- ii. Dua buah mewakili kelas bawahan (masjid baru dan masjid lama).<sup>82</sup>
- iii. Dua buah (masjid baru) mewakili kelas menengah.<sup>83</sup>
- iv. Dua buah (masjid lama) mewakili kelas menengah.

Masjid-masjid ini juga mewakili semua kategori masjid iaitu Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid Qariah. Pemilihan masjid daripada pelbagai kategori termasuk masjid baru dan masjid lama kerana struktur pentadbiran, populariti, sistem komunikasi yang berkesan seperti laman web dan buletin serta pengalaman

<sup>80</sup> Bilangan masjid di Shah Alam adalah masjid-masjid yang letaknya di kawasan Shah Alam dan di bawah persempadan mengikut pentadbiran JAIS. Oleh itu walau pun perluasan Shah Alam telah dilakukan mengikut Pelan Warta 1190 pada tahun 1997, tetapi bilangan masjid-masjid kawasan Shah Alam berdasarkan bilangan asal. Temubual penulis dengan Ustaz Mohd Sujak bin Mohd Dasuki, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid pada 18 Jun 2002, 11.31 pagi di pejabatnya. Lihat juga risalah yang dikeluarkan oleh JAIS dan internet.

<sup>81</sup> Berbagai taraf hidup merujuk kepada pengunjungnya yang terdiri daripada pelbagai kelas sosio ekonomi dan juga daripada Shah Alam dan luar Shah Alam. Ia merujuk kepada MSSAAS.

<sup>82</sup> Kelas bawahan terdiri daripada kakitangan peringkat rendah dalam sektor awam dan swasta, petani, peniaga dan bekerja sendiri dan pendapatan mereka tidak melebihi RM1 000 sebulan. Rumah mereka adalah jenis kos rendah, rumah pangsa dan rumah kayu (setinggan). Harganya tidak melebihi RM25 000. lihat Yaacob Haror (t.t), *Keluarga Melayu Bandar, Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. xiii.

<sup>83</sup> Kelas menengah terdiri daripada ahli profesional, pentadbir, ahli perniagaan dan pengurus. Kebanyakan mereka mempunyai pendidikan tinggi dan kedudukan ditentukan oleh pekerjaan mereka. Lihat Nurizam Yahaya (1989), "Peranan Pemerintah Terhadap Perumahan dan Persetinggan" (Tesis Ph.D, Universiti Malaya), h. 42. Berdasarkan faktor ekonomi, pendapatan minimum mereka sekitar RM1 000 sebulan. Harga rumah mereka pula melebihi RM100 000 (harga semasa) sementara sewanya pula adalah antara RM500 hingga RM2 000 sebulan. Lihat Fatimah Abdullah (1994), "Urbanisasi dan Kekeluargaan : Satu Kajian Kes Kelas Menengah Melayu di Kuala Lumpur" (Tesis Ph. D, Universiti Malaya).

pengajur terhadap program-program yang diadakan akan mempengaruhi kedatangan jemaah. Ini diakui oleh Imam Besar Masjid Negeri (MSSAAS).<sup>84</sup>

Sampel kajian adalah menggambarkan populasi. Pengambilan sampel adalah secara rawak mudah.<sup>85</sup> Penulis memfokuskan kepada wanita di Shah Alam kerana majoriti penduduk Shah Alam adalah berbangsa melayu dan beragama Islam. Mereka juga terdiri daripada berbagai taraf social kelas bawahan dan menengah.

Penulis hanya memilih wanita sahaja sebagai bahan kajian memandangkan betapa pentingnya ditekankan aspek-aspek keilmuan terhadap seseorang wanita kerana mereka merupakan pendidik utama kepada anak-anak. Mereka juga dianggap sebagai “sekolah awal” dan pengaruhnya banyak mencorakkan kehidupan anak-anak.<sup>86</sup> Pepatah melayu ada mengatakan “Tangan yang menghayun buaian boleh menggongang dunia”.<sup>87</sup>

Pepatah Inggeris juga menyebut “*The hand that rocks the cradle rules the world*”.<sup>88</sup> Perkara yang sama juga wujud di kalangan bangsa Arab sehingga pujangga mereka ada menyebutkan

<sup>84</sup> Temubual penulis dengan Ustaz Haji Othman bin Hamzah al-Hafiz, Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 27 Jun 2002 jam 10.00 pagi di pejabatnya.

<sup>85</sup> Persampelan rawak mudah merupakan proses mengambil atau menggunakan sampel bilamana tiap-tiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Lihat Mohd. Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 73.

<sup>86</sup> Abdul Hamid Othman (1983), *Wanita Islam dan Pendidikan dalam Perhimpunan Wanita Islam Malaysia*, Kelang : Kolej Islam Kelang, h. 2.

<sup>87</sup> Norkhaila binti Jamaluddin, “Wanita Teras Lahir Masyarakat Madani”, *HELWA*, bil. 3, Sept. 2001. Percetakan Kum Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>88</sup> Nik Safiah Karim (1982), *Wanita Malaysia-Kumpulan Essei dan Ceramah*. Kuala Lumpur : Ilmu Raya Sdn. Bhd., h. 13.

أَلَمْ مَذَرَّسَةٌ إِذَا أَعْدَدْتَهَا أَعْدَدْتَ شَعْبًا طَيِّبَ الْأَغْرَافِ<sup>89</sup>

Maksudnya :

“Seseorang ibu samalah dengan sekolah. Apabila engkau perlengkapannya dengan baik, bererti engkau telah mempersiapkan sesuatu umat yang baik keturunannya”.

Kaum ibu juga merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak<sup>90</sup> kerana wanita telah dikurniakan sifat-sifat lemah lembut, penyayang, sentisif dan sabar.<sup>91</sup> Oleh itu jelaslah betapa besarnya pengaruh seseorang ibu dalam mencorakkan kehidupan anak-anaknya. Maka sewajarnyalah ibu tersebut mempunyai ilmu pengetahuan yang tidak terbatas dalam proses mendidik anak-anak mereka.

Justeru itu Islam memberi hak yang sama kepada golongan wanita sebagaimana hak lelaki dalam mencari dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Mereka diwajibkan mempelajari ilmu-ilmu fardhu ain seperti akidah, feqah, hadis dan ilmu al-Qur'an. Mereka juga digalakkan menuntut ilmu-ilmu lain dengan syarat ia tidak bercanggah dengan sifat-sifat kewanitaannya dan syariat Islam.<sup>92</sup> Rasulullah s.a.w pernah menyarankan supaya anak-anak perempuan diberi pengetahuan dan pendidikan yang sewajarnya.<sup>93</sup>

Oleh itu wajarlah diketengahkan pendidikan Islam di kalangan wanita serta diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Lumrahnya wanita yang

<sup>89</sup> Abd Allah Nasih Ulwan (t.t.), *Tarbiyyah al-Awlad*, Beirut : Dār al-Salam, h. 49-50.

<sup>90</sup> Sayyid Qutb (1982), *al-Tafsīr fī Zīlāl al-Qur'ān*, T.t.p : Dār al-Syūq, h. 336.

<sup>91</sup> Sayyid Muhammad 'Ali Namr (1984), *I'dād al-Mar'ah al-Muslimah*. Riyad : al-Dār al-Sa'udiyyah li al-Nasyr wa al-Tawzī', h. 34.

<sup>92</sup> Ahmad 'Abd al-'Aziz al-Husni (1981), *al-Mar'ah wa Ma'ānatuhā fī al-Islam*. Qāherah : Maktabī al-Mukhtar al-Islami, h. 47.

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 33.

berpendidikan akan melahirkan generasi yang berguna kepada masyarakat, bangsa dan negara.

#### **1.6 KAJIAN-KAJIAN LEPAS.**

Setakat penyelidikan ini dijalankan telah wujud beberapa bentuk penulisan dan kajian terdahulu membincangkan konsep wanita dari aspek pendidikan Islam. Walau bagaimanapun penulis masih belum menemui pengkajian tentang pendidikan Islam di kalangan wanita Islam di Shah Alam.

Antara penyelidikan yang telah dilakukan termasuklah latihan ilmiah oleh Rohani Ahmad yang bertajuk “Pendidikan Islam di Kalangan Wanita : Suatu Kajian Khusus di Daerah Kubang Pasu”. Hasil kajian tersebut mendapati pendidikan Islam mereka adalah memuaskan.

Satu lagi penulisan yang telah dibuat sedikit sebanyak menyentuh tentang pendidikan wanita ialah tesis yang ditulis oleh Wahibah binti Twahir @ H. Tahir bertajuk “Ketokohan Wanita dalam Sejarah Pendidikan Islam Malaysia : Kajian Khusus di Negeri Kelantan”. Tesis ini telah mendedahkan kegemilangan ilmuwan-ilmuan yang terdiri daripada wanita bermula daripada zaman awal Islam dengan membuat perbandingan tokoh-tokoh wanita kini khususnya di Negeri Kelantan.

Terdapat juga beberapa penulisan yang sedikit sebanyak mempunyai kaitan dengan sejarah di Selangor dan dapat membantu kajian ini seperti buku Sejarah

Selangor karangan Buyong Adil, *A History of Selangor* oleh Wan Muhammad Amin bin Wan Said.

Namun begitu tidak terdapat buku yang menceritakan secara khusus tentang Islam di Shah Alam. Justeru, kajian ini akan memberi pemahaman tentang pendidikan Islam di kalangan wanita Shah Alam secara lengkap yang mampu dilakukan oleh penulis. Pendedahan ini penting agar pembangunan yang seimbang dapat diwujudkan di Bandaraya Shah Alam. Tambahan pula Shah Alam terkenal sebagai pusat pendidikan.

## 1.7 METODOLOGI KAJIAN.

Dalam menyusun dan menyiapkan penulisan ilmiah ini, penulis telah menggunakan metode-metode berikut iaitu :

### 1.7.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha untuk mendapatkan data-data dan fakta-fakta, penulis telah menggunakan beberapa metode berikut iaitu :

- i. **Metode Historis** – Iaitu cara penelitian yang mengaplikasikan pemecahan ilmiah dari perspektif historis mengenai subjek penyelidikan ilmiah ini. Sebagai contohnya penulis telah mendapatkan data-data mengenai profil Shah Alam dan sejarah kemasukan Islam ke Negeri Selangor. Perkara ini dibincangkan dalam bab satu.

- ii. **Metode Dokumentasi** – iaitu cara untuk mengumpulkan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang diperolehi mengenai masalah-masalah yang dikaji. Dokumen adalah bererti “benda yang dapat memberikan keterangan”.<sup>94</sup>
- iii. **Metode Observasi** – iaitu cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penyelidikan dan termasuk juga pengalaman penulis di dalam hal-hal yang berkaitan dengan objek penyelidikan.<sup>95</sup> Metode ini dibincangkan dalam bab empat.
- iv. **Metode Wawancara** – iaitu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan dari seseorang responden yang terdiri daripada beberapa orang tokoh pendidikan Islam, imam-imam dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam masalah yang diselidiki. Metode ini merupakan pembantu utama kepada metode observasi.<sup>96</sup> Hasil daripada maklumat yang diperolehi telah dianalisis secara statistik deskriptif. Perkara ini dibincangkan dalam bab tiga dan empat.

### 1.7.2 Metode Analisis Data.

Di dalam membuat penganalisan terhadap data-data yang diperolehi iaitu di dalam bab empat, penulis menggunakan metode-metode seperti berikut :

<sup>94</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 55.

<sup>95</sup> Abdul Halim bin Hj. Mat Diah (1987), “Suatu Contoh Tentang Huraihan Metodeologi” (Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h. 129.

<sup>96</sup> Koentraraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : P.T. Gramedia, h. 16

- i. **Induktif** – laitu cara mengambil kesimpulan dari beberapa data yang bersifat khusus untuk mencari dalil yang bersifat umum.
- ii. **Deduktif** – laitu cara-cara membuat kesimpulan dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>97</sup>
- iii. **Komparatif** – laitu cara membuat kesimpulan berdasarkan kepada perbandingan-perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.<sup>98</sup>

## 1.8 SUSUNAN PENULISAN.

Penulis membahagikan bab disertasi ini kepada 5 bab:

**Bab Pertama** – Penulis memulakan dengan menerangkan Islam di Selangor secara umum dan di Shah Alam khususnya sebagai latar belakang masalah. Ia diikuti dengan pengertian tajuk dan perumusan masalah. Penulis juga menjelaskan tentang objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, hipotesis kajian, kajian-kajian yang lepas serta susunan penulisan.

**Bab Kedua** – Penulis menerangkan tentang landasan teori bermula dengan sejarah ringkas pendidikan Islam, pengertian pendidikan Islam dilihat dari segi prinsip, matlamatnya dan juga tujuannya. Penulis menjadikan sejarah keilmuan dan pendidikan wanita Islam di zaman silam untuk melihat kecemerlangan

---

<sup>97</sup> Imam Barnadib, *op.cit.*, h. 52.

<sup>98</sup> Abdul Halim bin Hj. Mat Diah (1987), *op.cit.*, h. 136.

mereka dan seterusnya menjadi idola dan contoh kepada wanita masa kini khususnya di Shah Alam.

**Bab Ketiga** – Penulis memperincikan dengan mendalam dari segi metodologi penyelidikannya yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, sampel kajian, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan tatacara penganalisisan data.

**Bab Keempat** – Bab ini adalah berkaitan dengan laporan penyelidikan dan analisis data. Dalam bab ini penulis menjelaskan profil sampel kajian mangikut latarbelakang responden dan program pengajian responden. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan analisis dapatan kajian.

**Bab Kelima** – Bahagian ini adalah bahagian terakhir kajian. Penulis akan membuat kesimpulan kepada keseluruhan kajian, saranan, cadangan kajian lanjutan dan penutup.